

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHA KEE CHIN [RASAH]

TARIKH : 16 NOVEMBER 2020 (ISNIN)

SOALAN

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status peruntukan RM50 juta masing-masing untuk penyelenggaraan bangunan sekolah SJKC dan SJKT, sepertimana yang telah diumumkan dalam Belanjawan 2020. Berapa jumlah yang telah disalurkan kepada sekolah-sekolah dan bilakah keseluruhan peruntukan ini akan disalurkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah peruntukan untuk penyelenggaraan bangunan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) bagi tahun 2020 adalah sebanyak RM100 juta. Sehingga 11 November 2020, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyalur sejumlah RM89.67 juta kepada sekolah jenis kebangsaan Cina (SJKC) dan sekolah jenis kebangsaan Tamil (SKJT). Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM47.09 juta disalur kepada 367 buah SJKC dan RM42.58 telah disalur kepada 279 buah SJKT. Manakala baki peruntukan penyelenggaraan dijangka selesai disalur selewat-lewatnya pada 16 November 2020.

Sekian, terima kasih.